

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP  
[ MERBOK ]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Puan Nor Azrina binti Surip [ Merbok ] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah bentuk remedи kesan penderaan emosi yang disediakan oleh undang-undang secara terperinci memandangkan statistik kesihatan mental akibat keganasan rumah tangga yang amat tinggi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani isu keganasan rumah tangga, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil tindakan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521]. Menerusi akta ini, Kerajaan memperuntukkan perlindungan undang-undang dalam situasi keganasan rumah tangga dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya.

Secara amnya, Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521] memperuntukkan dua jenis remedi kepada mangsa keganasan rumah tangga. Yang pertama ialah pemberian “*equitable remedy*” melalui pemberian Perintah Perlindungan Kecemasan/ Perintah Perlindungan Interim/ Perintah Perlindungan kepada mangsa keganasan rumah tangga. Antara perkara yang boleh dimasukkan dalam perintah ialah menghalang orang yang terhadapnya perintah itu dibuat daripada menggunakan keganasan rumah tangga terhadap mangsa. Perintah Perlindungan Interim/ Perintah Perlindungan diberikan bagi kesemua jenis keganasan rumah tangga termasuk penderaan emosi, apabila terdapat penyiasatan/ kes berhubungan dengan perlakuan suatu kesalahan yang melibatkan keganasan rumah tangga di bawah Kanun Keseksaan atau Akta-Akta lain.

Selain itu, Mahkamah boleh, dalam suatu permohonan, suatu perintah perlindungan diminta atau semasa mendengar tuntutan bagi pampasan di bawah seksyen 10, membuat suatu perintah bahawa satu atau lebih pihak kepada pertikaian itu dirujuk kepada suatu program pemulihan. Program pemulihan adalah merupakan satu perintah tambahan kepada pelaku atas arahan Mahkamah. Namun perintah merujukkan mangsa ke program pemulihan hanya boleh dilaksanakan dengan persetujuan mangsa. Sesi kaunseling merupakan satu bentuk program pemulihan yang boleh dilaksanakan kepada pelaku atau mangsa.